

# Dron bantu operasi penguatkuasaan

TEKNOLOGI kenderaan udara tanpa pemandu (UAV) atau dron yang semakin berkembang pada masa kini telah membolehkan ia dihasilkan pada kos yang lebih murah.

Malah, penggunaannya juga tidak hanya terhad kepada operasi ketenteraan sahaja tetapi telah mula dihasilkan bagi tujuan komersial terutama sebagai alat permainan bagi tujuan aktiviti riadah.

Justeru menurut **Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Aeroangkasa, Fakulti**

**Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia, Prof. Madya Dr. Kamarul Arifin Ahmad**, agensi penguat kuasa di negara ini seharusnya mengambil peluang dengan turut menggunakan dron sebagai alat untuk membantu tugas mereka.

“Agensi kerajaan terutamanya yang banyak terlibat dalam aktiviti pemantauan seharusnya menggunakan dron untuk membantu mereka melaksanakan operasi dengan lebih berkesan.



**KAMARUL ARIFIN**

“Selain boleh dimiliki pada kos yang lebih murah, ia juga dapat dikendalikan dengan lebih kerap termasuk di kawasan yang tidak boleh dicapai oleh manusia pada masa yang cepat terutama ketika kejadian bencana.

“Sekurang-kurangnya, ia boleh melaksanakan sebahagian kecil tugas yang selama ini dilakukan oleh helikopter terutama berkaitan pemantauan daripada udara,” jelasnya.

Bagaimanapun menurut beliau,

10/1/20  
1818

pemantauan dan kawalan terhadap pengguna dron haruslah dilakukan oleh pihak berkuasa bagi mengelak ia disalahguna oleh pihak tertentu sehingga boleh mengganggu operasi pesawat lain yang turut menggunakan ruang udara negara ini.

Malah jelas beliau, sekiranya tidak dikawal, dron yang digunakan untuk tujuan riadah juga boleh menjadi ancaman dan mendatangkan kecederaan kepada orang ramai sekiranya ia hilang kawalan ketika diterbangkan di tempat awam.